



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 10 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CARI PENYELESAIAN ISU PENIAGA ASING, NASIONAL, BH-10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	EMPOWERING B40, HOME BUSINESS, THE EDGE FINANCIAL DAILY-20	AGROBANK
3.	PROJEK KNAL TANAH ABANG BAKAL LAHIRKAN USAHAWAN MUDA B40 – BERNAMA ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NENAS MALAYSIA
4.	KNAL MODEL TERBAIK PROJEK NANAS, BANTU GOLONGAN B40– SH ONLINE	
5.	DUA BOT NELAYAN DITAHAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK - 6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) / JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	MAQIS RAMPAS POKOK HIASAN BERNILAI RM88,000, MAHKAMAH, SH-10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARAN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	DAHULU JURUTEKNIK, KINI USAHAWAN TERNAK, NEGERI, HAKAKAH-N16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
8.	FAMA SASAR EKSPORT MUSANG KING RM50JUTA, NASIONAL, SH-13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	DRON MEREVOLUSIKAN PERTANIAN, KOMENTAR, BH-11	LAIN-LAIN

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	Cari penyelesaian isu peniaga asing		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	10	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	121 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,022
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,066



Cari penyelesaian isu peniaga asing

Kita sambut baik langkah kerajaan tubuhkan jawatankuasa babitkan lima kementerian, bukan sahaja untuk tangani banjiriran dan monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur, malah merungkai cengkaman mereka dalam rantaian bekalan yang menindas pekebun serta peruncit tempatan.

Kita juga sangat berharap pembabitan lima kementerian terbabit sebagai isyarat agar masalah yang membarah itu akan ditangani dari semua aspek.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu melihat sistem penghantaran dan bekalan lebih efisien bermula dari pekebun.

Di pasar borong, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguma (KPDNHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan perlu pastikan tiada lompong boleh dieksploitasi peniaga warga asing.

Jika benar ada unsur kegiatan kongsi gelap, ia diharap boleh dicantas dengan pembabitan Kementerian Dalam Negeri (KDN) khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM), manakala pendatang tanpa izin pula perlu berdepan dengan Jabatan Imigresen.

Lebih berkesan jika turut membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya lompong yang dieksploitasi dapat ditutup kejam, seterusnya apa juga tindakan mampu membawa penyelesaian menyeluruh.

Headline	EMPOWERING B40		
MediaTitle	The Edge Financial Daily		
Date	10 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Home Business	Circulation	4,562
Page No	20	Readership	13,686
Language	English	ArticleSize	355 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,891
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,674



EMPOWERING B40 ... Petronas Nasional Bhd (Petronas) executive vice-president and group chief financial officer Tengku Muhammad Taib Tengku Ali (front row left) and Agribank chief business officer Ahmad Shahril Mohd Shariff (front row right) signing an agreement on a microfinancing programme to empower the bottom 40% income group (B40) working in the agricultural and agro-based industry, witnessed by (back row, from left) Petronas president and group chief executive officer (CEO) Tan Sri Wan Zulkafle Wan Anfin, chairman Datuk Ahmad Ruzah Salleh, Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Seri Saibuddin Azali, Deputy Economic Affairs Minister Senator Dr Mohd Radzi Abd Jidin and Khadijah Iskandar, covering duties of the president and CEO of Agribank, in Kuala Lumpur recently.

Headline	Projek KNAL Tanah Abang bakal lahirkan usahawan muda B40		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	10 Feb 2020	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,000

Projek KNAL Tanah Abang bakal lahirkan usahawan muda B40

MERSING, 10 Feb -- Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang, di sini, bakal melahirkan usahawan muda golongan B40 sekali gus meningkatkan penglibatan usahawan kontrak dalam bidang pengeluaran nanas secara komersial.
Pengerusi Lembaga Perindustrian...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Projek KNAL Tanah Abang bakal lahirkan usahawan muda



X

Tarikh Kemaskini :
10/02/2020 02:39 PM

MERSING, 10 Feb -- Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang, di sini, bakal melahirkan usahawan muda golongan B40 sekali gus meningkatkan penglibatan usahawan kontrak dalam bidang pengeluaran nanas secara komersial.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata projek inisiatif LPNM itu merupakan usaha menyusun kawasan penanaman nanas secara berpusat dengan membangunkan tanaman nanas jenis MD2 menerusi pengurusan cekap, berkesan dan mampan.

Beliau berkata projek yang dijalankan di tanah seluas 121.5 hektar dengan menempatkan 12 peserta dalam kalangan B40 itu melibatkan kawasan penanaman nanas seluas 48.5 hektar dan merupakan projek LPNM secara usaha sama dengan Johor Corporation (JCorp), Kulim Malaysia Berhad, Agrobank dan Unit Agropreneur Muda MOA.

"Antara objektif utama projek KNAL adalah untuk mewujudkan zon atau kluster tanaman nanas secara kekal, meningkatkan pengeluaran tanaman agromakan, meningkatkan pendapatan peserta terlibat sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan serta menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam industri nanas negara," katanya berucap pada majlis perasmian projek KNAL Tanah Abang, di sini, pada Sabtu lepas.

Majlis perasmian disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Abdul Malik berkata berdasarkan pengalaman luas dalam sektor perladangan nanas, Kulim Pineapple Farm (KPF) iaitu anak syarikat Kulim (Malaysia) Berhad telah dilantik oleh LPNM sebagai 'syarikat utama' dalam mengurus, membangun dan memajukan ladang berkenaan secara komersial.

Menurutnya, kesemua peserta yang dipilih diperuntukkan keluasan maksimum tanah seluas empat hektar seorang secara berfasa dan dibekalkan bantuan benih nanas MD2 sebanyak 200,000 pokok.

"Untuk fasa pertama, mereka (peserta) diberikan 100,000 benih terlebih dahulu bagi keluasan lima ekar 9 dua hektar). Peserta juga diberi bantuan geran daripada Unit Agropreneur Muda MOA dengan nilai RM20,000 seorang melibatkan pembekalan input pertanian dan peralatan," katanya.

Abdul Malik berkata Agrobank selaku pihak pembiayaan turut menyuntik modal sebanyak RM50,000 seorang bagi pembangunan ladang yang kesemuanya diletakkan di bawah pengurusan KPF.

-- BERNAMA

Headline	KNAL model terbaik projek nanas, bantu golongan B40		
MediaTitle	Sinar Harian(www.sinarharian.com.my)		
Date	10 Feb 2020	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,000

KNAL model terbaik projek nanas, bantu golongan B40

Salahuddin (lima dari kanan) bersama penerima peruntukan dan pembiayaan program penanaman nanas pada majlis perasmian projek KNAL Sabtu lalu.
MERSING - Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang, Mersing yang dirasmikan Sabtu lalu diharap dapat memb...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

KNAL model terbaik projek nanas, bantu golongan B40

BERNAMA | 10 Februari 2020

Salahuddin (lima dari kanan) bersama penerima peruntukan dan pembiayaan program penanaman nanas pada majlis perasmian projek KNAL Sabtu lalu.

MERSING - Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang, Mersing yang dirasmikan Sabtu lalu diharap dapat membantu melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam bidang tanaman nanas pada masa akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ini lebih lagi dalam kalangan masyarakat B40 kerana bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan golongan itu menerusi dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

"Kita melakar mercu tanda di mana kita mempamerkan bagaimana penanaman nanas Premium MD2 akan dapat dijadikan sebagai perusahaan yang berimpak tinggi untuk memberi pendapatan kepada mereka yang terlibat khususnya golongan muda.

"Program juga didapati telah menepati hala tuju kementerian (MOA) untuk menggalakkan sektor swasta terlibat sama secara efisien untuk melaksanakan program berimpak tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek KNAL itu di sini Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Abdul Malik Abul Kassim; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pegawai Daerah Mersing Asman Shah Abdul Rahman.

Salahuddin berkata, projek KNAL membabitkan seramai 12 peserta itu dilaksanakan oleh LPNM secara usahasama dengan pihak Johor Corporation (JCorp), Kulim Malaysia Berhad, Agrobank dan Unit Agropreneur Muda MOA.

Beliau berkata, projek dijalankan di tanah berkeluasan keseluruhan 121.5 hektar di mana 48.5 hektar dibangunkan untuk projek KNAL yang melibatkan peserta projek.

"Kesemua peserta yang dipilih diperuntukkan keluasan maksimum 10 ekar (4 hektar) seorang secara berfasa dan dibekalkan bantuan benih nanas MD2 sebanyak 200,000 pokok.

"Peserta juga diberi bantuan geran daripada Unit Agropreneur Muda MOA sebanyak RM20,000 seorang yang meliputi pembekalan input pertanian dan peralatan.

"Agrobank selaku pihak pembiayaan pula menyuntik modal sebanyak RM50,000 seorang bagi pembangunan ladang yang pengurusannya dikendalikan oleh Kulim Pineapple Farm (KPF), anak syarikat Kulim Malaysia," katanya. - Bernama

Headline	Birds nests to sell domestically		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	10 Feb 2020	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	407 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,120
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,359



业者盼消费普及化 燕窝转战内销



报道：许世平

(芙蓉9日讯) 新型冠状病毒在全球肆虐而影响到燕窝出口至中国的营销市场，然而这也让本地燕窝转战内销，并有望促进本地燕窝消费的普及化及平民化。

根据波德申一家经营燕窝加工、出口及引燕活动的燕窝厂商“大马冠崇燕”东主沈种发向本报披露，中国为防控疫情扩散而在多地实施封城，导致货运受影响，也波及燕窝的集散营销。

他说，若能尽快遏制该疫情，对本地燕窝出口影响还只是暂时性，构成的伤害不会太大，假如疫情持续3



沈种发

个月到半年，冲击则会很大。

为此他赞同农业及农基工业部副部长沈志勤鼓励国内燕窝厂商以更具竞争力的价格收购本地燕农的毛燕，以加强燕窝下游工业发展。若能协助厂商收购毛燕及留在本地营销发展，将使到燕窝在本地更趋普及化。

沈种发认为燕窝下游市场仍有待开发，可以推广包括面膜、护肤品、萃取素等下游产品，问题是要有技术及投入大笔资金，也要有一个能“扛大旗”的负责领导。

他提及，根据燕窝销售市场份额统计，中国占20%、印尼占70%，本地约占10%。

缺人力发展下游工业

大马燕窝商联合会秘书长兼森美兰燕窝商公会会长拿督李银芳认为，本地燕窝的内销市场小，因为本国人口数量的限制，以及懂燕窝的消费人口有限，这都对燕窝在内销渠道及市场增值构成掣肘。

他强调，加强燕窝下游工业发展是燕窝厂商的必要步骤，问题是燕窝企业仍未被列为标准正规行业：

“很多人都想做，但却面对难聘请到工人的困境。”

他说，只有解决根本性的困境问题，燕窝加工工序的生产链才能顺畅进行。

李银芳认为，此次疫情也只是过渡困境，多年前燕窝被禁止入口至中国，才是燕农遭遇到的最大困境。



李银芳

Headline	Dua bot nelayan ditahan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Feb 2020	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	308 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,833
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,499



Dua bot nelayan ditahan

KABONG: Dua bot Nelayan Tempatan (BNT) telah ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APM), Zon Maritim Tanjung Manis yang berada di kedudukan lebih kurang 2.2 dan 2.5 batu Nautika barat daya dekat Beladin semalam.

Dalam kejadian sekitar jam 8.00 hingga 9.00 pagi, dua buah bot BNT kelas A dan B ditahan dipercayai telah melanggar zon menangkap ikan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

Pengarah Zon Maritim Tanjung Manis, Komander Maritim Mohd. Ariz Md. Kassim berkata, operasi ini dijalankan setelah menerima maklumat aduan awam mengenai bot pukot tunda yang berleluasa di kawasan

berkenaan yang kerap kali menangkap ikan dengan menunda bot di kawasan yang terlarang.

"Hasil daripada maklumat dan risikan, satu pasukan operasi telah dikerahkan ke lokasi bagi melaksanakan tugas dan operasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati, kelima-lima lelaki (awak-awak termasuk tekong) yang diperiksa adalah warga negara tempatan dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya kepada media semalam.

Mohd. Ariz berkata, bot tersebut ditahan semasa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu disyaki

menunda atau memukat ikan kurang dari jarak yang telah ditetapkan di dalam Buku Lesen.

Menurut tekong, kedua-dua bot berkenaan adalah berasal dari Kabong, kemudiannya ditahan dan diiringi masuk ke Jeti Terminal Tanjung Manis untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat bagi tindakan selanjutnya. Sejumlah hasil tangkapan ikan campur-campur juga turut dirampas.

Zon Maritim Tanjung Manis (ZMTM) akan terus memperkasa dan mempergiatkan pelbagai usaha pemantauan serta rondaan yang berterusan bagi memastikan sebarang aktiviti yang melanggar atau menyalahi undang-undang



DIYAHAN... Bot nelayan ditahan APM

di laut dapat dibendung serta dibenaras dengan sewajarnya.

Sebarang pelakuan salah laku serta kesalahan

jenayah, pencerobohan zon menangkap ikan di laut atau sebarang kesalahan yang melanggar undang-undang, pengadu bolehlah membuat

aduan dengan menghubungi terus Bilik Operasi, Zon Maritim Tg. Manis di talian 084-613292/084-613293 atau MERS 999 (24 jam).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2020	SINAR HARI- AN	MAHKAMAH	10

Maqis rampas pokok hiasan bernilai RM88,000

PORT KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya melumpuhkan cubaan seludup pokok hiasan pelbagai spesies dianggarkan bernilai hampir RM88,000 di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat pada 23 Januari lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, pokok hiasan yang diimport menerusi kontena dari China itu dirampas atas kesalahan tidak mematuhi syarat import permit.

Menurutnya, anggaran berat pokok hiasan tersebut adalah sekitar 9,596 kilogram dan kes

disiasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Suspek boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2020	SINAR HARI- AN	NASIONAL	13

FAMA sasar eksport musang king RM50 juta

Nilai eksport pada tahun lalu sebanyak RM30 juta

KUALA LUMPUR

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasarkankan nilai eksport durian musang king ke China pada tahun ini sebanyak RM50 juta walaupun wujud kebimbangan ia akan terjejas berikutan penularan novel coronavirus 2019 di negara itu.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, nilai eksport durian itu pada tahun lalu sebanyak RM30 juta dan beliau berharap coronavirus di China akan berakhir tidak lama lagi.

Menurutnya, sasaran itu dibuat berdasarkan tempoh durian musang king yang berbuah pada Julai, Ogos dan September.

"Kita popular dengan durian musang king yang dieksport ke China. Pada masa sekarang berlaku wabak coronavirus dan ia bukan pada musim buah musang king



Ishak (tiga dari kiri) beramah mesra dengan pemilik Wak-Ikhsan Kebab yang merupakan usahawan OKU, Ikhsan Sirat ketika beliau melakukan tinjauan di tapak jualan program MBB FAMA @ Le Tour De Langkawi (LTdL) di Kuala Lumpur semalam.

(berbuah), oleh itu ia tidak memberi kesan kepada eksport ke China.

"Saya yakin dan percaya peningkatan permintaan terhadap musang king adalah luar biasa dan harga di sana juga amat menarik jika dibandingkan di sini antara RM40 dan RM90 sekilogram.

"Di sana, ia boleh dijual antara RM200 dan RM400

sekilogram," katanya kepada pemberita selepas melancarkan My Best Buy (MBB) FAMA @ Le Tour De Langkawi (LTdL) di sini semalam.

Sementara itu, Ishak berkata, jumlah pengunjung ke MBB menggalakkan dan beliau percaya rakyat Malaysia telah mengambil langkah proaktif untuk menghadapi coronavirus, selain peniaga

turut mengutamakan kebersihan dalam penyediaan makanan dan jualan.

Menurutnya, kelainan yang dibawa pada MBB di lokasi keempat itu ialah menampilkan kek bulan halal yang juga merupakan produk signature Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hasil daripada inovasi usahawan Muslim kepada penggemarnya.

"Turut dibawakan pada MBB kali ini ialah program Jom Kongsi Rezeki iaitu sebuah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA kepada golongan yang kurang berkemampuan dan lebih 70 orang mendapat manfaat daripada program tersebut hari ini (semalam)," kata Ishak.

Program MBB LTdL 2020 sebelum ini diadakan di Kota Kinabalu, Sabah diikuti Kuching, Sarawak dan Kereteh, Terengganu.

Semalam ia diadakan di Kuala Lumpur City Centre di sini dan akan diteruskan di Ipoh, Perak pada 10 hingga 11 Februari, Padang Kota Lama, Pulau Pinang (11 hingga 12 Februari), Alor Setar, Kedah (13 Februari) dan di Pantai Cenang, Langkawi, Kedah (12 hingga 15 Februari). - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2020	HARAKAH	NEGERI	16

Dahulu juruteknik, kini usahawan ternak



MERBOK: Sebelum ini pernah berkhidmat sebagai juruteknik di Specialist Western Digital namun sekarang menjadi penternak kambing sepenuh masa.

Mohd Faizal Azmi, 42 bekas pelajar lepasan UITM dan memilik diploma Polimas terjun ke bidang baharu sejak 2012.

Bermula dengan lima ekor kambing, sekarang meningkat sehingga 150 ekor termasuk biri-biri baka kacukan luar negara.

Mohd Faizal berkata, beliau menggunakan modal yang dikumpul sendiri sebanyak RM10,000 tanpa mendapat pinjaman dari mana-mana institusi kewangan.

"Saya mendapatkan nasihat dari Jabatan Pertanian selain penternak yang berpengalaman. Dahulu langsung tidak ada pengetahuan menternak kambing.

"Projek menternak kambing kerana minat yang mendalam. Saya bermula tanpa mengikuti mana-mana kursus," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bendang Dalam baru-baru ini.



Mohd Faizal Azmi.

Bellau yang juga ayah kepada enam anak memberitahu pernah diuji dengan masalah pada tiga tahun pertama menternak kambing.

Kata bellau ketika itu ternakannya diserang penyakit di mana keadaan begitu mencabar sekali.

Namun katanya bermula dari situ beliau baharu menyedari untuk melibatkan diri dengan penternakan kambing bukan perkara mudah seperti yang disangka.

"Kambing ini perangai-

nya unik sikit. Dia tidak suka tempat kotor. Kalau ada najisnya dalam bekas makanan, makanan itu tidak akan dimakan.



Produk susu kambing yang dikeluarkan Mohd Faizal Azmi.



Mohd Faizal menyediakan makanan kambing.

"Begitu juga bila nak tidur, dia tidak akan tidur di tempat kotor yang ada najis. Sikapnya yang tidak baik kambing didapati tamak," ujarnya.

Menurutnya apabila makanan yang dimakan sedap kambing itu tidak akan berkongsi dengan kambing lain.

Bagaimanapun sekarang

beliau gembira melihat gelagat haiwan ternakannya, malah boleh menghilangkan 'stress'.

Mohd Faizal juga berkata, kambing yang ditenak dijual kepada orang ramai yang mahu mengadakan aqiqah, jamuan atau kenduri.

Selain itu beliau juga menerima tempahan nasi berlauk daging kambing.

"Saya juga menjual susu dan daging kambing. Saya turut menerima tempahan catering masakan kambing untuk pelbagai jenis kenduri," katanya.

Oleh itu orang ramai yang ingin berkongsi pengalaman dengan Mohd Faizal atau membeli daging kambing boleh menghubunginya di talian, 019-457 4183.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2020	BERITA HARIAN	KOMENTAR	11

Dron merevolusikan pertanian

Nurafifah
Mohammad
Suhaini



Pembantu Penyelidik
di EMIR Research

Penggunaan teknologi dron dalam sektor pertanian semakin popular dan mendapat tempat dalam kalangan petani moden.

Teknologi ini penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi pertanian mapan untuk merealisasikan salah satu matlamat pembangunan negara, iaitu meningkatkan status pendapatan petani, nelayan, penternak dan usahawan tani.

Hal itu turut ditekankan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, yang menyatakan kerajaan sentiasa berusaha memperluaskan inovasi dan penggunaan teknologi baharu bagi memperkasakan serta meningkatkan produktiviti sektor pertanian, sekali gus meningkatkan pendapatan dan ekonomi negara.

Bukan itu sahaja, dengan permintaan global yang dijangka tumbuh hampir 50 peratus dalam tempoh 40 tahun akan datang, persoalan sering timbul adalah bagaimana untuk menghasilkan makanan cukup bagi menjamin

kelangsungan kehidupan manusia.

Kini, jumlah penduduk global kian bertambah, tetapi apa merisaukan perubahan iklim global semakin ekstrem. Ini memberi impak besar terhadap sektor pertanian kerana ia akan menjejaskan hasil pengeluaran pertanian negara.

Di sini teknologi dron dapat memodenkan industri pertanian supaya memenuhi permintaan masa depan. Dron digunakan secara meluas dalam banyak bidang seperti tentera, operasi mencari dan menyelamat, pemantauan lalu lintas serta pertanian.

Dalam sektor pertanian, dron digunakan sebagai kaedah pertanian ketepatan bagi meningkatkan hasil dan keuntungan tanaman, pada masa sama, mengurangkan jumlah input diperlukan untuk penanaman seperti tanah, air, baja dan herbisida atau racun herba.

Dengan kata lain, dron membantu petani memastikan teknik pertanian yang tepat digunakan dan membantu mereka membuat keputusan jitu mengenai tanaman mereka.

Seperti kita maklum, hasil pertanian bergantung kepada beberapa faktor yang tidak dapat dikawal petani. Antaranya akses air, perubahan iklim, angin, kualiti dan kelembapan tanah, kejadian



Teknologi dron memberi penyelesaian segera untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti tanaman. (Foto hiasan)

rumpal dan serangga serta musim pertumbuhan tidak konsisten.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah, petani digalakkan mengaplikasikan teknologi dron dalam kaedah pertanian.

Namun, bagaimanakah dron dapat membantu sektor pertanian?

Dron membantu petani sebelum musim penanaman bermula menganalisis keadaan ladang. Teknologi ini berupaya memetakan keadaan ladang dalam bentuk imej tiga dimensi (3D) dan menunjukkan kawasan bermasalah.

Hasil analisis dapat digunakan untuk menentukan pola maksimum penanaman benih. Kini, petani bukan sahaja dapat menjimatkan masa, malah meningkatkan hasil tanaman.

Melalui imej ini juga, pengiraan tanaman dan pengesanan kemunculan tanaman baharu dapat dilakukan. Tugas ini dikenali sebagai analitik tanaman dapat mengenal pasti berapa banyak benih bercambah. Maklumat ini sangat berguna untuk menentukan sama ada benih perlu disemai semula atau tidak.

Selain itu, kaedah penyemburan racun boleh dilakukan dron yang dapat mengurangkan risiko manusia dengan bahan kimia, racun perosak dan baja berbahaya. Dron juga dapat menentukan jumlah optimum bahan semburan diperlukan serta memastikan semburan dibuat secara rata pada tanaman.

Di Kedah, proses menyembur racun menggunakan dron dan

teknik Ultra Low Volume (ULV), iaitu penyemburan halus secara kabus memudahkan penyerapan cairan ke dalam tanaman padi. Ketika proses semburan dilakukan, tekanan kipas dron akan menghasilkan aliran angin ke bawah dan membuka pokok padi supaya bahan kimia sampai ke pangkal tumbuhan.

Bukan sahaja dapat mengeluarkan hasil tanaman lebih baik, malah dapat menjimatkan masa petani. Ini juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada lebih ramai anak muda.

Dron juga dapat mengesan tanaman dijangkiti penyakit 10 hari lebih awal sebelum dapat dilihat dengan mata kasar menggunakan kamera inframerah. Kewujudan kamera ini pada dron membolehkan petani melihat kehadiran atau ketiadaan kulat dan bakteria dalam tumbuhan.

Dengan cara ini, petani boleh mengetahui sebarang jangkitan pada tanaman dengan lebih cepat dan segera menyelesaikannya, sebelum ia menjangkiti tanaman lain.

Kesimpulannya, teknologi dron memberi penyelesaian segera untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti tanaman. Kewujudannya membuktikan teknologi tidak perlu dikhawatirkan untuk digunakan.